

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	2 March 2016

# Keputusan keluar parti tidak mengejutkan

Um - 2/3/2016

**KUALA LUMPUR 1 Mac** - Langkah Tun Dr. Mahathir Mohamad keluar UMNO buat kali kedua bukan sesuatu yang mengejutkan kerana sememangnya tindakan tersebut sudah dijangka selepas usaha bekas Perdana Menteri itu untuk mempengaruhi pemimpin di peringkat bahagian gagal.

Ketua Penerangan UMNO, Tan Sri Annuar Musa berkata, keluar parti merupakan kaedah terakhir Dr. Mahathir untuk 'melumpuhkan dan membunuh' UMNO dengan didorong pengalaman serta kesanggupan mengorbankan parti demi mencapai matlamat menewaskan musuh peribadi politiknya.

Dakwanya, Dr. Mahathir pernah 'mengorbankan' UMNO Kelantan dalam usahanya menewaskan Tengku Razaleigh Hamzah pada 1987 dan sanggup membiarkan UMNO Selangor, UMNO Perak serta Barisan Nasional (BN) Pulau Pinang 'terkorban' demi mengalahkan Tun Abdullah Ahmad Badawi.

"Dalam kata lain sejarah membuktikan Dr. Mahathir tidak teragak-agak menghadiahkan pembangkang kuasa dan kerajaan, asalkan beliau berjaya menewaskan musuh serta menyingkirkan orang tidak disukai. Itulah Dr. Mahathir, kegagalan baginya bukanlah satu pilihan.

"Justeru terpulanglah kepada ahli UMNO untuk melihat episod terbaharu ini. Dr. Mahathir bukanlah musuh UMNO, kita tetap sedih (tindakan keluar parti) tetapi tidak kecewa, tanpa beliau perjuangan UMNO tetap diteruskan juga," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Semalam Dr. Mahathir mengumumkan keluar UMNO dengan alasan parti tersebut hanya memberi fokus kepada perjuangan mengekalkan pemimpin tertentu selain turut mendakwa, UMNO kini membelakangkan perjuangan yang telah berakar umbi sejak penubuhannya pada 1946.

Pada 19 Mei 2008, bekas Perdana Menteri tersebut pernah bertindak keluar parti yang pada masa itu UMNO dipimpin Abdullah, selepas beliau mendakwa hilang kepercayaan terhadap penggantinya itu.

Dalam pada itu, Annuar berkata, sebagai pengamal falsafah Miché-veili yang sebenar iaitu, matlamat menghalalkan cara, Dr. Mahathir memilih keluar UMNO kerana di-



**Keluar parti merupakan kaedah terakhir Dr. Mahathir untuk 'melumpuhkan dan membunuh' UMNO dengan didorong pengalaman serta kesanggupan mengorbankan parti demi mencapai matlamat menewaskan musuh peribadi politiknya."**

**ANNUAR MUSA**  
Ketua Penerangan UMNO

dorong kejayaannya menumpaskan musuh politiknya terdahulu, meskipun harga perlu dibayar terlalu mahal.

"Kini Dr. Mahathir bersedia menghadiahkan Malaysia demi mengekalkan rekod tanpa kalah dalam menewaskan orang-orang yang tidak digemarinya atau yang tidak mahu mengikut 'cara saya'. Pada saya, ahli UMNO sejati harus terima keputusan ini sebagai hak peribadinya,

"Barang siapa berjuang kerana Dr. Mahathir, mungkin mengikut beliau dan barang siapa yang berjuang kerana UMNO iaitu demi agama, bangsa dan tanah air, sama sekali tidak perlu goyah dengan gelagat seorang individu kerana UMNO itu bukan Dr. Mahathir," katanya.